

18 SEP 1998

Anwar-Terengganu

ANWAR CABAR DR MAHATHIR LETAK JAWATAN

KUALA TERENGGANU, 18 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mencabar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya meletakkan jawatannya sekiranya beliau sudah tidak mahu mendengar nasihat orang lain.

"Sekarang, Anwar Ibrahim secara rasmi menuntut supaya Dr Mahathir berhenti sebagai Perdana Menteri.

"Saya nak tanya apakah semua sokong Dr Mahathir berhenti," katanya pada satu perhimpunan selepas solat Jumaat yang dihadiri oleh kira-kira 10,000 orang di Pantai Batu Buruk di sini.

Anwar juga menyelar ahli UMNO yang hanya mengikut sahaja cakap Perdana Menteri dan menganggapnya sebagai undang-undang.

"Mereka (ahli UMNO), apa yang Dr Mahathir kata, semuanya undang-undang belaka, pakai otaklah sikit dan fikirlah sama," katanya dalam kecaman yang paling keras terhadap Dr Mahathir sejak beliau dipecat dari kerajaan pada 2 Sept lepas dan dari Umno sehari kemudian.

Anwar yang telah berucap di beberapa tempat untuk menafikan pelbagai tuduhan salah laku seks, rasuah dan membocorkan rahsia negara sejak pemecatannya, buat pertama kali mengaku secara terbuka bahawa beliau adalah yang mendesak Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi supaya membangkitkan isu kronisme, nepotisme dan rasuah dalam perhimpunan agung UMNO lalu.

Menurutnya, Perdana Menteri marah isu itu dibangkitkan.

"Saya cakap pada dia (Dr Mahathir) janganlah lajak sangat, walau marah Zahid orang ramai dah cakap, dia kata tak boleh," katanya.

Anwar tiba di sini pukul 3 pagi tadi dalam rangka gerakan reformasi tajaannya selepas mengadakan ceramahnya di Peramu Jaya, Kuantan malam tadi.

Beliau diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan anak-anaknya serta penyokongnya termasuk Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Sembilan Ruslan Kassim dan menginap di rumah rehat di Pantai Batu Buruk.

Orang ramai dan penyokongnya telah berkumpul sejak pukul 8 pagi lagi untuk bertemu bekas timbalan perdana menteri itu.

Anwar kemudian dilihat menaiki sebuah van bernombor BEL 77 keluar dari perkarangan rumah rehat itu untuk menunaikan solat Jumaat di Masjid Tuanku Ampuan Intan Zaharah di Kuala Ibai.

Selesai menunaikan solat Jumaat beliau kembali semula di rumah rehatnya untuk memberikan ceramahnya.

Menurut Anwar, polis membenarkannya berucap secara aman walaupun tidak diberi permit untuk perhimpunan itu.

Beliau juga berkata Dr Mahathir perlu sekali-sekala menerima nasihat orang lain kerana beliau "bukan tahu segala-galanya".

Anwar juga berkata beliau tidak menolak kemungkinan untuk mencabar Dr Mahathir di kawasan Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang.

Anwar dalam ucapannya turut memuji pihak polis kerana memberi kerjasama membenarkannya memberi ceramah di Kuala Terengganu.

Katanya beliau masih menghormati jabatan polis kecuali dua atau tiga orang pegawai polis yang mengendalikan penyiasatan kesnya.

Selepas berucap pada pukul 4.45 petang, beliau terus bertolak dengan van ke Kota Baharu di mana beliau dijadualkan mengadakan satu lagi perhimpunan malam ini, walaupun dilaporkan pihak penganjur gagal mendapat

permit polis.
-- BERNAMA
sbs khy